

TATAKELAKUAN



Tatakelakuan – Mesej daripada Peter Vanacker

Rakan sekerja yang dihormati,

Di LyondellBasell, kami komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan bertanggung jawab. Tatakelakuan menawarkan panduan tentang cara untuk memastikan diri kita mencapai standard etika tertinggi dalam kerja harian kita dengan pihak berkepentingan utama: pekerja, pembekal, pelanggan, pelabur dan komuniti tempat kita beroperasi.

Tatakelakuan LyondellBasell merangkumi topik seperti urusan perniagaan yang adil dan tepat, rasuah, kesihatan dan keselamatan, diskriminasi dan perlindungan alam sekitar. Untuk mencapai tujuan kita, kita mesti bekerja secara beretika walau apa pun keadaan. Apabila kita semua mematuhi Tatakelakuan, kita membantu memupuk budaya yang sihat dan terangkum dengan menggalakkan ketelusan, etika dan kemampunan.

Jika anda ada kebimbangan atau merasakan Tatakelakuan kita tidak dipatuhi, saya menggalakkan anda untuk bersuara. Jika ragu-ragu, jangan teragak-agak untuk mendapatkan nasihat.

Untuk memastikan semua pekerja memahami kewajipan mereka, Tata ini tersedia dalam 17 bahasa yang berbeza dan ditambah dengan latihan tahunan.

Terima kasih atas dedikasi anda semasa kami terus maju dan menyampaikan masa depan yang kami tahu ia mungkin berlaku.

Salam hormat,



Peter Vanacker
Ketua Pegawai Eksekutif



Kandungan

Warkah daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kita	i
Kandungan	ii
Bahagian 1	
Meningkatkan Kecemerlangan—Cara Kita Menggunakan Tatakelakuan Kita	1
Mengenali Kod Kita	1
Pihak Yang Perlu Mematuhi Kod Kita	2
Mengetahui dan Mematuhi Undang-undang	2
Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan	3
Akibat daripada Pelanggaran Kod Kita	3
Bertindak Balas kepada Audit, Penyiasatan dan Pertanyaan	3
Penepian Kod	3
Bahagian 2	
Meningkatkan Kecemerlangan untuk Warga dan Syarikat Kita	4
Kita Menghormati Rakan Sekerja Kita	4
Kita Menjangka untuk Mencapai Sasaran Sifar dalam Kecemerlangan Pengendalian	6
Kita Melindungi Aset Syarikat Kita	7
Kita Menggunakan Teknologi Syarikat Dengan Penuh Tanggungjawab	8
Saling Menghormati Maklumat Peribadi Masing-masing	8
Kita Mengelak Percanggahan Kepentingan	9
Kita Mematuhi Undang-undang Antirasuah	10
Kita Berusaha untuk Mencegah Pengubahan Wang Haram	11
Kita Mematuhi Undang-undang Antipakat dan Persaingan	11
Bahagian 3	
Meningkatkan Kecemerlangan untuk Pemegang Saham Kita	13
Kita Berusaha untuk Mencegah Perdagangan Orang Dalam dan Pendedahan Maklumat Kepada Orang Lain Yang Berdagang Atas Dasar Maklumat Tersebut (“Tipping”)	13
Kita Mengekalkan Buku dan Rekod Kewangan Yang Tepat	14
Bahagian 4	
Meningkatkan Kecemerlangan untuk Pelanggan dan Pembekal Kita	15
Kita Berusaha untuk Memenuhi Piawai Mutu dan Keselamatan Produk	15
Kita Berurusan dengan Pelanggan dan Pembekal Kita Secara Wajar	16
Kita Melindungi Maklumat Pihak Ketiga	16
Kita Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa	16
Bahagian 5	
Meningkatkan Kecemerlangan untuk Komuniti Kita	17
Kita Beroperasi sebagai Warga Korporat Yang Baik	17
Kita Berusaha untuk Melindungi Alam Sekitar Kita	18
Kita Membuat Sumbangan Kebajikan dan Politik Secara Beretika	18
Bahagian 6	
Borang Akuan	19
Indeks maklumat Hubungan dalam	kulit belakang buku

Meningkatkan Kecemerlangan— Cara Kita Menggunakan Tatakelakuan Kita

Selamat Datang ke Tatakelakuan (“Kod”) kita

Kod ini merangkumi dedikasi kita dalam menjalankan perniagaan secara beretika dan dengan penuh tanggungjawab. Kod ini membantu kita menerapkan kepercayaan dan menyerlahkan integriti. Ia juga menjelaskan tingkah laku yang dijangka daripada kita semua dan menentukan standard mengenai cara kita bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat kita.



Sila baca dengan teliti kerana anda dikehendaki untuk mengetahui dan mematuhi Kod tersebut pada setiap masa. Dari semasa ke semasa, anda mungkin diminta untuk menunjukkan bahawa anda telah membaca, memahami dan memperakui Kod kita. Kegagalan untuk membaca atau memperakui standard yang terkandung dalam Kod tidak melepaskan anda daripada tanggungjawab untuk mematuhi Kod itu atau sebarang dasar atau tatacara kita yang lain.

Semua rujukan kepada "Syarikat" kita atau "LyondellBasell" dalam Kod kita merujuk kepada LyondellBasell Industries N.V., subsidiarinya dan gabungan yang berada di bawah kawalan operasi kita melalui, perjanjian khidmat atau pengurusan berkontrak lain.

Dasar syarikat yang dirujuk dalam Kod kita boleh didapati di *Elements*, yang merupakan intranet Syarikat.

Pihak Yang Perlu Mematuhi Kod Kita

Semua pekerja, pegawai, pengarah atau sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kita tertakluk kepada Kod kita. Di samping itu, kita menghendaki pihak yang menjalankan perniagaan dengan kita mengikut prinsip yang serupa semasa berurusan dengan LyondellBasell.

Walaupun semua orang bertanggungjawab untuk mematuhi Kod semasa menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kita, penyelia dan pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan. Jika anda merupakan penyelia atau pengurus, anda berkewajipan untuk bertindak sebagai model peranan beretika bagi pekerja yang berada di bawah penyeliaan anda. Anda tidak boleh mengambil sebarang tindakan buruk terhadap seseorang yang menimbulkan keimbangan dengan niat yang baik. Sebaliknya, anda seharusnya memperkuatkan lagi Kod melalui tindakan anda. Jika anda menyedari bahawa pematuhan telah berkurangan,

maka anda bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memajukan perkara tersebut ke peringkat yang lebih tinggi sekiranya perlu.

Mengetahui dan Mematuhi Undang-undang

Kod ialah asas komitmen kita dalam mematuhi undang-undang, tetapi Kod tersebut tidak menerangkan setiap undang-undang yang mungkin berkaitan dengan anda. Sebagai organisasi global, kerja kita tertakluk kepada undang-undang dan peraturan pelbagai negara. Kita semua bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang tersebut selain Kod, dasar dan tatacara kita. Jika anda percaya bahawa terdapat percanggahan antara undang-undang negara anda dengan undang-undang di negara lain tempat kita menjalankan perniagaan, percanggahan antara undang-undang dengan Kod kita, atau percanggahan antara undang-undang dengan apa-apa pun yang anda diminta untuk lakukan, maka dapatkan bimbingan dengan mengikuti langkah yang digariskan dalam Kod ini.



Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan

Tindakan menimbulkan kesedaran atau kebimbangan tentang kemungkinan pelanggaran dan mengambil tindakan yang wajar seperti diterangkan dalam Kod kita adalah sebahagian daripada budaya kita dan begitu juga dengan komitmen kita bahawa tindakan yang sedemikian tidak akan mengakibatkan sebarang tindakan balas. Oleh itu, anda dikehendaki untuk mengemukakan sebarang soalan atau kebimbangan yang anda mungkin ada. Jika anda memerlukan bimbingan, atau jika anda ingin membuat laporan, sumber yang berikut tersedia kepada anda:

- █ Penyelia atau pengurus anda
- █ Jabatan Sumber Manusia (HR)
- █ Jabatan Undang-undang
- █ Jabatan Pematuhan
- █ Talian Bantuan Etika
(melalui telefon atau melalui www.lyondellbasell.ethicspoint.com)

Di sesetengah lokasi, kegagalan untuk melaporkan pelanggaran Kod atau salah laku juga boleh mengakibatkan hukuman pidana dan denda sivil dan jenayah. Sila ambil perhatian bahawa kegagalan untuk melaporkan sebarang pelanggaran Kod atau salah laku juga boleh dianggap sebagai pelanggaran Kod.

Membuat Laporan Melalui Talian Bantuan Etika

Talian Bantuan Etika kita dikendalikan oleh EthicsPoint, penyedia pihak ketiga bebas. Laporan boleh dibuat melalui telefon secara langsung kepada wakil EthicsPoint atau melalui Internet. Talian Bantuan Etika yang tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu menyediakan

khidmat penterjemah. Jika diizinkan oleh undang-undang, anda boleh memilih untuk membuat laporan secara tanpa nama. LyondellBasell tidak akan cuba untuk mengenal pasti identiti anda jika anda memilih untuk kekal tanpa nama. Jika anda membuat laporan secara tanpa nama melalui EthicsPoint, sistem EthicsPoint membolehkan anda dan penyiasat untuk mengadakan dialog tanpa nama secara sulit. Semasa anda membuat laporan kepada Talian Bantuan Etika, EthicsPoint akan menghantar laporan anda kepada Jabatan Pematuhan LyondellBasell untuk disemak.

Kita Tidak Bertolak Ansur Terhadap Tindakan Balas

Sebagai sebahagian daripada budaya yang memastikan kebertanggungjawaban dan menunjukkan keberanian, kita mempunyai tanggungjawab terhadap Syarikat kita dan antara satu sama lain, dan kita dikehendaki untuk melaporkan kebimbangan apabila kita percaya sesuatu yang tidak wajar atau yang tidak sepatutnya telah berlaku atau mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, mungkin sukar untuk memikul tanggungjawab ini apabila kita takut akan dikenakan tindakan balas. LyondellBasell tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat baik. Laporan yang dibuat "dengan niat baik" bermaksud anda menyediakan semua maklumat yang anda ada dan anda percaya bahawa maklumat tersebut adalah benar. Sekiranya sesuatu laporan dibuat dengan niat baik dan siasatan yang didorong oleh laporan anda itu mengesahkan bahawa salah laku tidak berlaku, tiada tindakan akan diambil terhadap anda.

Anda seharusnya berasa selesa untuk membuat laporan kepada mana-mana sumber yang disenaraikan dalam bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan". Jika anda percaya bahawa anda atau orang lain telah menerima pembalasan kerana menimbulkan kebimbangan, anda seharusnya mengemukakan hal ini kepada Jabatan HR, Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan atau membuat laporan melalui Talian Bantuan Etika.

Akibat daripada Pelanggaran Kod Kita

Syarikat kita memandang berat terhadap pelanggaran Kod. Individu yang melanggar Kod adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib, yang boleh membawa sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Bertindak Balas kepada Audit, Penyiasatan dan Pertanyaan

Kita hendaklah bertindak balas kepada dan mematuhi semua audit dan penyiasatan luaran dan dalaman, termasuk penyiasatan kerajaan. Anda tidak boleh menghalang atau melengahkan audit atau penyiasatan yang sedemikian. Anda hendaklah bercakap benar, memberikan kerjasama sepenuhnya, tidak menyalahgambarkan fakta atau keadaan dan memberikan maklumat yang diminta kepada juruaudit dan penyiasat. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sebarang audit, penyiasatan atau pertanyaan, dan cara anda seharusnya bertindak balas, sila rujuk kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan.

Penepian Kod

Penepian Kod hendaklah sejajar dengan Peraturan Bursa Saham New York.

Soalan:

Jika Javier melihat situasi yang mencurigakan, adakah lebih baik sekiranya Javier menghubungi Talian Bantuan Etika LyondellBasell atau menyampaikan kepada penyelianya?

Jawapan:

Itu pilihan Javier. Dia tidak perlu menghubungi Talian Bantuan Etika LyondellBasell jika terdapat cara untuk menyelesaikan situasi tersebut melalui perbincangan dengan penyelianya, pengurusan tempatan atau wakil Sumber Manusia tempatannya. Talian Bantuan Etika ialah pilihan untuk Javier jika dia tidak selesa untuk membincangkan perkara tersebut dengan penyelia, pengurusan tempatan atau wakil Sumber Manusia atau jika dia ingin melaporkan secara tanpa nama.

Meningkatkan Kecemerlangan untuk Pekerja Kita dan Syarikat Kita—Membina Pasukan yang Berkesan dan Meningkatkan Kerjasama

Kita Menghormati Rakan Sekerja Kita dan Menghargai Kepelbagaian

Di LyondellBasell, kita berazam untuk mencapai tahap tertinggi dalam berlaku adil dan menghormati setiap pekerja dengan sama rata. Untuk berkembang maju dalam pasaran global dan membina pasukan yang berkesan, kita hendaklah saling menghormati, menghargai dan mengalu-alukan perspektif dan latar belakang yang berbeza-beza setiap pekerja dan pihak berkepentingan kita. Oleh itu, kita menggalakkan perkongsian idea secara terbuka dan komunikasi tentang masalah yang dialami. Syarikat kita meraikan nilai kepelbagaian dan komited dalam mewujudkan persekitaran yang bersifat menyeluruh bagi semua pekerja.



Persekitaran Kerja yang Bebas Diskriminasi

LyondellBasell komited terhadap prinsip peluang pekerjaan yang saksama kepada semua pekerja dan dalam menyediakan persekitaran kerja yang bebas diskriminasi. Semua keputusan pekerja di Syarikat kita adalah berdasarkan keperluan perniagaan, keperluan kerja

Soalan:

Semalam Simon telah bertengkar dengan rakan sekerja sehingga hampir mengakibatkan konfrontasi fizikal apabila dia mencabarinya untuk bertemu di tempat letak kereta di luar. Simon kini takut sekiranya rakan sekerjanya itu mungkin cuba mencederakannya pada bila-bila masa. Apakah yang patut dilakukan oleh Simon?

Jawapan:

Simon perlu melaporkan insiden ini dengan serta merta kepada mana-mana sumber yang disenaraikan di bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan". Dalam keadaan yang tertentu, anda juga boleh melaporkan kepada Keselamatan Global atau penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan.

dan kelayakan individu tanpa mengambil kira kaum, warna kulit, agama atau kepercayaan, asal usul kewarganegaraan atau etnik, jantina (termasuk kehamilan), umur, ketidakupayaan, keadaan perubatan, orientasi seksual, identiti atau ekspresi jantina, status perkahwinan atau keluarga, perkhidmatan tentera atau status veteran, sejarah perubatan keluarga atau maklumat genetik, atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang atau peraturan di lokasi tempat kita beroperasi. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur terhadap diskriminasi berdasarkan mana-mana ciri ini.

Persekitaran Kerja Bebas Gangguan

LyondellBasell komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan. Untuk menggalakkan rasa hormat dalam organisasi kita, kita hendaklah melayan satu sama lain dengan penuh maruah. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau persekitaran kerja yang kesat, sama ada dari dalam atau dari luar tempat kerja kita.

Gangguan merangkumi sebarang bentuk kelakuan di tempat kerja yang tidak disenangi atau kesat –bersifat seksual atau bukan seksual–yang mempunyai kesan mewujudkan tempat kerja yang menakutkan, bermusuhan atau menyinggung perasaan. Beberapa contoh termasuk:

- I Gangguan seksual sama ada secara lisan atau fizikal, permintaan perbuatan seksual, bahasa seksual yang eksplisit, jenaka kotor, komen tentang tubuh atau aktiviti seksual seseorang

- I Memaparkan gambar atau objek berunsur seksual, penampilan berunsur seksual, komunikasi yang berunsur seksual atau menggalakkan perbuatan seksual melalui apa jua cara

- I Hubungan fizikal yang tidak sesuai, termasuk sentuhan.

Syarikat turut melarang bentuk gangguan yang lain berdasarkan status individu yang dilindungi undang-undang, seperti contoh berikut:

- I Penggunaan kata-kata menghina atau stereotaip yang negatif

- I Gurau senda, ejekan atau jenaka lisan

- I Paparan visual bukan lisan, termasuk paparan atau tindakan elektronik, yang mengandungi gambar, video atau gerak isyarat tangan yang menynggung perasaan

- I Ancaman atau tindakan menakut-nakutkan, intimidasi, membuli, mengepung

- I Sebarang jenis kelakuan lain yang menunjukkan kebencian, rasa tidak hormat atau penganiayaan terhadap individu.

Tindakan mengganggu di tempat kerja, seperti yang diterangkan di atas, adalah dilarang, tidak kira sama ada perbuatan tersebut disenangi atau tidak, dan tidak kira sama ada individu yang terlibat adalah daripada jantina, orientasi seksual, kaum atau status lain yang sama atau berbeza. Sekali lagi, LyondellBasell melarang tindakan balas dan tidak akan menamatkan perkhidmatan, menurunkan pangkat atau mendiskriminasikan pekerja kerana membuat laporan dengan niat baik.




Kita Menjangka untuk Mencapai Sasaran Sifar dalam Kecemerlangan Pengendalian

Bekerja dengan selamat ialah nilai teras Syarikat kita. Ini bermula dengan Sasaran Sifar, iaitu membuat komitmen untuk tidak membenarkan operasi yang selamat dan bertanggungjawab di lokasi kita dijejaskan oleh apa-apa sebab. Ini juga bermaksud kita perlu berazam untuk mencapai kecemerlangan dalam keselamatan. Tidak ada apa-apa pun yang lebih penting daripada bekerja dengan selamat—and oleh itu, kita mesti berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang mana “tidak ada sesiapa pun yang tercedera, di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa.”

Setiap pekerja dan individu yang bekerja bagi pihak Syarikat mesti mematuhi Kod, Piawai Syarikat dan Dasar Syarikat kita pada setiap masa. Anda dikehendaki untuk mematuhi tatacara dan melaporkan sebarang pelanggaran peraturan dan dasar Syarikat yang sebenar atau yang disyaki sejajar dengan langkah-langkah yang digariskan dalam “Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan.”

Penyalahgunaan Alkohol dan Bahan

Di LyondellBasell, kita tidak akan menjalankan kerja semasa berada di bawah pengaruh alkohol, dadah haram atau penggunaan ubat preskripsi dengan cara yang tidak sepatutnya. Di samping itu, kita tidak boleh sesekali memiliki, menggunakan, menjual, menawarkan atau mengedar dadah haram atau bahan terkawal lain di premis Syarikat atau semasa menjalankan urusan Syarikat. Kita boleh memiliki dan meminum alkohol di majlis yang ditaja atau dibenarkan oleh Syarikat atau dalam persekitaran perniagaan tertentu yang sah seperti semasa menghiburkan pelanggan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan sebegini, kita dikehendaki bertindak dengan penuh tanggungjawab dan hanya minum secara sederhana (tidak sehingga berada dalam keadaan mabuk). Syarikat boleh menarik balik hak istimewa tersebut jika disalahgunakan.



Soalan:

Lilly tahu bahawa dia sepatutnya melaporkan kecederaan, sakit dan kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan, tetapi anugerah prestasinya bergantung kepada kadar insiden yang menurun. Apakah yang LyondellBasell benar-benar mahukan?

Jawapan:

LyondellBasell mahukan agar setiap pekerja melaporkan kecederaan, sakit dan kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan. Hanya melalui pelaporan sebegitu Syarikat dapat bertindak balas terhadap situasi yang berbahaya, mengukur prestasi keselamatan kita dan mendukung komitmen kita terhadap kesihatan, keselamatan dan perlindungan alam sekitar. Anugerah untuk semua pekerja adalah berdasarkan prestasi keseluruhan, yang mana keselamatan adalah salah satu daripada beberapa komponen. Pelaporan yang tepat dan kena pada masanya adalah perlu untuk melindungi semua yang bekerja di lokasi LyondellBasell dan mereka yang menetap di komuniti tempat LyondellBasell beroperasi.

Kita Melindungi Aset dan Warga Syarikat Kita

Perlindungan pekerja, premis, aset, operasi dan reputasi kita merupakan asas dalam memastikan kebertanggungjawaban dan kejayaan Syarikat kita. Kita semua mempunyai kewajipan untuk menggunakan aset Syarikat kita dengan berhemah. Ini termasuk dana Syarikat, produk, sistem komputer dan perisian, kenderaan, kemudahan, peralatan, dokumen, rangkaian, maklumat sulit, harta intelektual dan malahan reputasi kita. Aset Syarikat tidak boleh digunakan untuk kegunaan peribadi melainkan dibenarkan secara khusus oleh dasar Syarikat. Kecurian aset Syarikat atau mencuri daripada Syarikat merupakan pelanggaran Kod. Di samping itu, jika anda mengetahui atau mengesyaki sebarang kecurian, penyalahgunaan atau pembaziran aset Syarikat, anda hendaklah melaporkan perkara tersebut dengan segera.

Keganasan Di Tempat Kerja

Kita bertekad untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada keganasan. Kita tidak boleh terlibat, bertolak ansur atau mengabaikan sebarang bentuk keganasan. Ini termasuk ancaman atau perbuatan, intimidasi atau menimbulkan rasa takut tentang kecederaan fizikal dalam orang lain. Jika anda mengetahui tentang ancaman sebenar atau kemungkinan ancaman atau tindakan keganasan, anda hendaklah melaporkan keimbangan anda dengan segera.

Maklumat Sulit dan Harta Intelektual

Maklumat sulit dan bukan umum boleh terdapat dalam pelbagai bentuk, termasuk maklumat kewangan, senarai pelanggan, data peribadi, strategi dan rancangan perniagaan, atau maklumat berkaitan dengan aset dan operasi. Sebagai seorang pekerja anda dikehendaki untuk menggunakan maklumat sulit semata-mata untuk manfaat Syarikat dan anda

tidak dibenarkan untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain di luar Syarikat, dan maklumat hanya boleh didedahkan di bawah perjanjian kerahsiaan yang ditandatangani dengan wajar.

Sama seperti kita menghendaki semua pekerja agar menghormati maklumat sulit Syarikat, kita juga menghendaki pekerja menghormati maklumat sulit orang lain, termasuk pesaing, pembekal dan pelanggan. Jika anda dengan tidak sengaja mengetahui tentang maklumat sebegitu, sila maklumkan kepada penyelia atau pengurus anda.

Ada sejenis maklumat sulit yang dipanggil "Harta Intelektual" atau dikenali dengan singkatan "IP". IP ialah aset Syarikat yang berharga dan kita mesti dengan berhati-hati melindungi dan menguatkuasakan hak IP pada setiap masa. IP termasuk harta tak ketara seperti hak cipta, paten, tanda dagangan dan rahsia perdagangan. Undang-undang melindungi hak kita terhadap harta ini seperti perlindungan terhadap bentuk harta fizikal yang lain. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, hak kepada semua IP yang dicipta dengan bahan Syarikat, menggunakan masa Syarikat, dengan belanja Syarikat kita atau dalam ruang lingkup tugas kita, adalah milik LyondellBasell.

Rahsia perdagangan—kelas khas data sulit yang memberikan kelebihan bersaingan kepada Syarikat kita – juga merupakan aset Syarikat berharga yang mesti kita lindungi. Beberapa contoh rahsia perdagangan termasuk:

- Senarai atau data pelanggan
- Terma dan syarat, kadar atau yuran yang ditawarkan kepada pelanggan
- Rancangan strategik dan pemasaran
- Pembangunan teknologi, kaedah, teknik atau proses
- Formula atau resipi produk

Jangan sekali-kali dedahkan rahsia perdagangan atau sebarang maklumat proprietari atau sulit lain, tanpa keperluan perniagaan dan memperoleh keizinan terlebih dahulu untuk berbuat demikian. Berhati-hatilah untuk tidak mendedahkan maklumat ini dengan cara mengunci komputer anda, dokumen atau bahan sensitif lain dengan betul. Tambahan lagi, elakkan daripada berbincang tentang maklumat sebegitu di tempat di mana orang lain boleh terdengar perbualan anda, termasuk restoran, bilik air, teksi, kapal terbang atau lif. Ingat, kewajipan tersebut terus berlanjutan walaupun selepas pekerjaan anda dengan LyondellBasell berakhir.

Reputasi Kita

Kita memastikan reputasi kita kuat dengan menerapkan kepercayaan dan menyerlahkan integriti. Reputasi kita dari segi integriti amat dipengaruhi oleh maklumat yang kita sediakan kepada orang ramai. Ini bermaksud, sebahagiannya, bahawa semua komunikasi sebegitu mesti menyampaikan gambaran yang adil dan tepat mengenai urusan perniagaan kita. Hanya individu yang dibenarkan boleh bercakap tentang LyondellBasell kepada media, komuniti pelaburan dan forum awam lain.

Jika anda menerima permintaan untuk maklumat daripada media, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Perhubungan Korporat. Jika anda menerima permintaan daripada jurnal analisis atau ahli komuniti pelaburan, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Hubungan Pelabur. Jika anda menerima permintaan daripada wakil undang-undang luar atau agensi kerajaan, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Jabatan Undang-undang.

- Jangan ambil tindakan yang berikut:
 - Bercakap bagi pihak LyondellBasell melainkan jika anda merupakan jurucakap yang ditetapkan dan mempunyai keizinan untuk berbuat demikian
 - Mendedahkan sebarang maklumat sulit
 - Merujuk kepada pelanggan, pembekal atau rakan kongsi LyondellBasell tanpa kelulusan mereka

Untuk maklumat lanjut, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Soalan:

Baru-baru ini, Angela membeli bekalan pejabat menggunakan kad kredit korporatnya. Memandangkan jabatannya tidak memerlukan bekalan pejabat, maka dia mengembalikan bekalan tersebut kepada pembekal dan menerima bayaran balik pada kad kredit peribadinya tetapi tidak membayar balik wang tersebut kepada Syarikat. Adakah ini merupakan pelanggaran dasar Syarikat?

Jawapan:

Ya. Ini dianggap mencuri daripada Syarikat kerana dia menerima wang untuk bekalan yang dibeli menggunakan dana Syarikat.

Kita Menggunakan Teknologi Syarikat Dengan Penuh Tanggungjawab

Komputer dan rangkaian sistem kita ialah aset berharga Syarikat kita. Komputer dan rangkaian sistem tersebut hendaklah digunakan dengan sewajarnya dan ingatlah bahawa anda mewakili LyondellBasell. Sentiasa menggunakan komputer dan rangkaian sistem Syarikat (termasuk wayarles tetamu dan korporat) dengan cara yang selamat, beretika, sah, cekap dan produktif. Ini bermaksud anda tidak boleh sekali-kali menggunakan sistem tersebut untuk mengakses, melihat, menghantar atau menyampaikan bahan-bahan yang haram, tidak senonoh, berunsur seks yang eksplisit, menyinggung perasaan atau tanpa diminta. Sungguhpun kegunaan peribadi yang terhad dibenarkan, anda tidak boleh membenarkan penggunaan sebegitu mengganggu tanggungjawab kerja anda.

Anda seharusnya berhati-hati dengan e-mel, teks, blog dan pesanan segera sama seperti seolah-olah anda menulis surat menggunakan kepala surat LyondellBasell.

Kita seharusnya ingat bahawa:

- Tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, semua sistem komputer dan data yang dicipta, dipindah dan disimpan adalah milik Syarikat. Bagi tujuan keselamatan dan penyelenggaraan sistem, individu yang dibenarkan oleh LyondellBasell boleh memantau peralatan, sistem dan lalu lintas rangkaian pada bila-masa. Pemantauan hanya akan dijalankan setakat yang dibenarkan atau diwajibkan oleh undang-undang dan seperti diperlukan dan wajar bagi tujuan perniagaan.
- Pekerja tidak boleh berkongsi akaun dan mesti menyimpan kata laluan mereka dengan selamat dan bertanggungjawab atas kerja yang dilakukan menggunakan akaun mereka; ini termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel dan penggunaan maklumat Syarikat.
- Pekerja tidak boleh memintasi kawalan atas meja atau keselamatan. Aktiviti ini boleh mengakibatkan program hasad (contohnya, virus) diperkenalkan ke dalam sistem komputer Syarikat. Melanggar hak cipta atau undang-undang atau peraturan yang serupa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemasangan atau pengedaran perisian "cetak rompak" atau keluaran perisian lain yang tidak berlesen dengan sewajarnya untuk kegunaan LyondellBasell juga dilarang dengan ketat

- Maklumat yang tidak dilepaskan untuk penggunaan awam atau maklumat Sulit syarikat tidak boleh dipindahkan ke atau disimpan dalam pemacu kilat, pemacu optik luaran atau sistem yang dihoskan oleh pihak ketiga seperti e-mel peribadi atau perkhidmatan yang dihoskan di Internet.

Kita Saling Menghormati Data Peribadi Masing-masing dan Mematuhi Peraturan Kerahsiaan Data

Syarikat kita menghormati kerahsiaan dan perlindungan yang diwajibkan oleh undang-undang berhubungan dengan data peribadi pekerja semasa, bakal pekerja dan bekas pekerja, dan juga rakan kongsi perniagaan kita. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat seperti alamat rumah, nombor telefon rumah, nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, alamat e-mel peribadi, tarikh dan tempat lahir, maklumat gaji dan maklumat peribadi lain. Semua data peribadi yang dikumpulkan dan disimpan oleh LyondellBasell akan diproses dengan adil dan selaras dengan undang-undang privasi data yang berkenaan di tempat tersebut.

Akses kepada data peribadi pekerja adalah terhad kepada pekerja dan ejen Syarikat yang mempunyai kebenaran yang wajar dan keperluan perniagaan untuk maklumat tersebut. Berkenaan dengan data peribadi sebegitu kita mesti:

- Bertindak menurut undang-undang yang terpakai;
- Bertindak menurut dasar Syarikat;

- Mengumpul, menggunakan dan memproses maklumat sebegitu hanya apabila tujuan yang sah wujud; dan
- Berhati-hati dalam mencegah pendedahan tanpa izin.

Media dan Rangkaian Sosial

Di LyondellBasell, kita menyedari bahawa terdapat peluang besar dalam menyertai pelbagai saluran media sosial secara peribadi. "Media sosial" termasuk pelbagai laman rangkaian sosial, blog dan wiki. Walau bagaimanapun, anda amat digalakkan agar berhati-hati dalam memanfaatkan peluang peribadi sebegitu. Anda tidak boleh menggunakan media sosial untuk memfitnah, mengganggu, membuli, mengancam atau menakut-nakuti pekerja, pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat. Di samping itu, jangan berkongsi sebarang maklumat proprietari atau sulit Syarikat melalui penyertaan anda dalam media sosial. Di bawah Akta Hubungan Buruh Kebangsaan di Amerika Syarikat, "maklumat sulit" bagi tujuan bahagian ini dalam Kod kita tidak termasuk upah peribadi, tata tertib atau maklumat lain mengenai terma dan syarat pekerjaan anda. Penggunaan saluran media sosial hendaklah tidak mengganggu kerja.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.



Kita Mengelak Percanggahan Kepentingan

LyondellBasell komited terhadap mengekalkan amanah pihak berkepentingan kita melalui prestasi yang beretika dan kukuh. Ini bermula dengan komitmen kita terhadap integriti. Kita seharusnya berwaspada terhadap apa-apa pun yang boleh mewujudkan percanggahan kepentingan atau malahan boleh kelihatan seperti percanggahan kepentingan. "Percanggahan kepentingan" timbul apabila kepentingan peribadi kita tidak sejajar dengan kepentingan Syarikat kita. Kita seharusnya sentiasa bebas daripada sebarang kepentingan, pengaruh atau perhubungan yang mungkin bercanggah dengan kepentingan LyondellBasell. Kita juga seharusnya mengelakkan kelakuan yang boleh kelihatan menimbulkan percanggahan kepentingan. Di bawah ialah beberapa contoh situasi lazim di mana percanggahan kepentingan boleh berlaku.

Kepentingan Kewangan

Sesetengah daripada kita mungkin mempunyai pelaburan dan kepentingan kewangan dalam syarikat selain daripada LyondellBasell. Jika kita mempunyai Kepentingan Kewangan Yang Penting dalam perniagaan atau entiti yang menjalankan urus niaga atau ingin membuat sebarang urus niaga atau bersaing dengan LyondellBasell, maka butiran kepentingan kewangan tersebut hendaklah didedahkan. Kepentingan Kewangan Yang Penting ditakrifkan sebagai peratus agregat langsung atau tidak langsung lebih daripada sepuluh peratus (10%) (i) daripada sebarang kelas sekuriti firma atau syarikat yang diterbitkan; (ii) kepentingan dalam perkongsian atau sekutuan; atau (iii) daripada jumlah aset atau pendapatan kasar Pekerja tersebut.

Pekerjaan Luar

Komitmen kita terhadap kerja yang kita lakukan adalah perkara yang menjadikan LyondellBasell amat berjaya. Bagi mendukung komitmen ini, kita amat tidak digalakkan untuk menerima pekerjaan luar atau peluang perniagaan luar di entiti yang menjalankan perniagaan atau bersaing dengan LyondellBasell. Peluang sebegitu dianggap sebagai percanggahan kepentingan dan mesti didedahkan.

Menjalankan Perniagaan dengan Keluarga dan Rakan

Percanggahan kepentingan mungkin wujud jika ahli keluarga bekerja untuk pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat kita dan anda dapat menjelaskan perniagaan Syarikat dengan pelanggan, pesaing atau pembekal itu. Menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat dengan ahli keluarga dalam keadaan sebegitu berkemungkinan akan mengakibatkan situasi percanggahan kepentingan dan mesti didedahkan. Ahli keluarga bermaksud ahli keluarga terdekat Pekerja seperti pasangannya, anak, ibu, bapa, saudara perempuan, saudara lelaki, dan saudara tiri atau mentua dan ipar dan juga pasangan rumah tangga. Di samping itu, anda tidak boleh menyelia ahli keluarga secara langsung. Jika anda berfikir anda mempunyai hubungan penyeliaan dengan ahli keluarga anda, anda sepatutnya mendedahkan perkara tersebut.

Hadiah dan Hiburan Perniagaan

Semasa menjalankan perniagaan LyondellBasell, anda boleh saling bertukar hadiah perniagaan dan menyertai hiburan bagi memupuk hubungan baik antara Syarikat kita dengan pelanggan atau pembekalnya. Walau bagaimanapun, kita mesti menggunakan pertimbangan yang waras semasa menawarkan atau menerima hadiah sebegitu.

Jika tidak, kita mungkin masuk ke dalam situasi percanggahan kepentingan. Ini bermaksud kita tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah atau hiburan perniagaan jika dengan berbuat demikian akan mewujudkan sikap tidak adil dalam membuat keputusan. Sebelum menerima atau menawarkan hadiah perniagaan, tanya diri anda jika anda berasa selesa jika orang lain mendapat tahu mengenai perkara tersebut. Lazimnya, anda hanya boleh menawarkan atau menerima hadiah atau hiburan perniagaan jika hadiah atau hiburan perniagaan itu tidak diminta dan mematuhi dasar Syarikat yang terpakai.

Di samping itu, kita tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah dan hiburan yang tidak wajar secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga atau membentarkan ahli keluarga kita berbuat demikian. Semasa berinteraksi dengan pegawai dan kakitangan kerajaan, kita mesti mematuhi peraturan yang lebih ketat. Rujuk bahagian "Rasuh dan Pembayaran Tidak Wajar" dalam Kod kita dan dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements* untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Mendedahkan Percanggahan Kepentingan

Jika anda menyedari tindakan atau kepentingan anda atau orang lain yang boleh mewujudkan konflik, anda mesti membuat pendedahan dengan melengkapkan borang pendedahan. Tambahan lagi, kita seharusnya bekerja secara aktif dengan pelanggan kita, pembekal dan sesiapa saja yang menjalankan perniagaan bagi pihak LyondellBasell untuk mengenal pasti dan mengumukakan percanggahan kepentingan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau bimbingan, sila lihat dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Soalan:

Abang Martin memiliki sebuah syarikat yang telah bertahun-tahun membekalkan bahan kepada Syarikat kita. Baru-baru ini, Martin yang telah dinaikkan pangkat dalam jawatan barunya akan mempunyai kuasa untuk mengikat kontrak dengan syarikat abangnya. Apakah yang patut Martin lakukan?

Jawapan:

Martin seharusnya mendedahkan percanggahan melalui borang pendedahan Percanggahan Kepentingan kepada penyelianya supaya perkara tersebut boleh diselesaikan. Walaupun syarikat abang Martin adalah pembekal lama Syarikat kita, kini kelihatan wujud percanggahan kerana Martin mempunyai kuasa untuk mengikat kontrak dengan syarikat abangnya. Dalam kes ini, Martin seharusnya tidak boleh membuat sebarang keputusan mengenai menggunakan syarikat abangnya dan membuat keputusan bebas, seperti penyelia Martin seharusnya ditetapkan untuk membuat keputusan, bukannya Martin. Perkara penting bagi Martin adalah untuk menyedari percanggahan kepentingan yang berpotensi atau sebenar dan membuat pendedahan yang diperlukan.

Kita Mematuhi Undang-undang Antirasuah

Sebagai sebuah organisasi global, LyondellBasell komited untuk bertindak secara beretika dan sah di seluruh dunia. Sebagai pekerja, kita menerapkan kepercayaan dan menyerlahkan integriti. Kita mendukung komitmen ini di mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Ini bermaksud, sebahagiannya, bahawa kita mematuhi semua undang-undang, perjanjian dan peraturan antirasuah antarabangsa yang melarang rasuah, pembayaran yang tidak wajar atau wang sogokan.

Rasuah dan Pembayaran Yang Tidak Wajar

Menjalankan perniagaan dengan cara yang betul bermaksud kita tidak menawar atau menerima sebarang bentuk rasuah, pembayaran atau wang sogokan. "Rasuah" ialah tawaran atau janji untuk memberikan sesuatu yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan dengan tidak wajar atau mendapat kelebihan perniagaan yang tidak wajar. "Wang sogokan" berlaku apabila wang dikembalikan atau dibayar sebagai ganjaran kerana memberi atau memupuk perniagaan.

Di samping itu, LyondellBasell melarang bayaran pemudahan. "Bayaran pemudahan" ialah bayaran kecil—lazimnya wang tunai—yang dibuat untuk mempercepatkan perkhidmatan kerajaan yang rutin. Syarikat kita melarang perkara tersebut, walaupun bayaran sebegitu mungkin sudah menjadi kebiasaan di sesetengah bahagian dunia.

Anda mesti bersikap berhati-hati untuk mengelakkan pembayaran yang tidak wajar. Anda hendaklah sentiasa menentukan struktur pemilikan wakil pihak ketiga kita dengan menjalankan usaha wajar seperti diperlukan oleh Dasar Syarikat yang berkenaan. Anda juga mesti memastikan bahawa anda tidak membenarkan pihak ketiga untuk membuat atau menerima sebarang pembayaran yang tidak wajar bagi pihak kita.

Anda tidak boleh meminta atau menerima sebarang pembayaran yang tidak wajar atau wang sogokan.

Pelanggaran Dasar ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan, dan juga kemungkinan hukuman pidana dan denda sivil bagi pihak tersebut dan Syarikat kita. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai ini, sila rujuk bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan".

Anda dikehendaki untuk melaporkan kebimbangan anda mengenai rasuah dan pembayaran yang tidak wajar. LyondellBasell tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas terhadap seseapa yang melaporkan salah laku dengan niat baik.

Soalan:

Seorang pembekal menawarkan orang hubungannya di LyondellBasell, Diana, dua tempat duduk di baris hadapan yang mahal ke suatu acara sukan. Pembekal tersebut memberitahu Diana bahawa dia tidak mahu apa-apa pun sebagai balasan kerana dia tidak dapat menghadiri acara tersebut. Apakah yang patut Diana lakukan?

Jawapan:

Diana perlu berunding dengan penyelianya atau sumber Syarikat yang lain seperti yang diterangkan di bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Panduan dan Melaporkan Kebimbangan". Dasar Hadiah, Hiburan dan Perjalanan kami menangani perkara sedemikian dan kes ini menyatakan bahawa jika nilai tiket melebihi \$100, dia mesti mendapatkan kelulusan daripada Naib Presiden Eksekutif sebelum menerima hadiah ini. Jika vendor mengiringi Diana ke acara, maka tiket tersebut akan menjadi hiburan dan bukannya hadiah dan dia tidak perlu mendapatkan kelulusan awal daripada Naib Presiden Eksekutifnya.



Kita Berusaha untuk Mencegah Pengubahan Wang Haram

LyondellBasell komited untuk mengesan dan mencegah pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram bermaksud terlibat dalam urus niaga kewangan yang menyembunyikan identiti, sumber atau destinasi wang yang diperoleh melalui cara yang menyalahi undang-undang. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita untuk mengenal pasti dan menghentikan kegiatan pengubahan wang haram, kita mesti mematuhi semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram yang terpakai di seluruh dunia. Tambahan lagi, kita mesti memastikan bahawa kita hanya menjalankan perniagaan dan melibatkan diri dalam urus niaga kewangan dengan orang yang menjalankan kegiatan yang sah. Kita hendaklah sentiasa mengesahkan identiti orang atau firma yang menjalankan perniagaan bersama kita dan berasa selesa bahawa sebarang wang yang kita terima datang daripada sumber yang sah sepenuhnya.

Isu pengubahan wang haram mungkin rumit. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai ini, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*. Anda hendaklah melaporkan sebarang kegiatan yang mencurigakan kepada Ketua Pegawai Pematuhan.

Kita Mematuhi Undang-undang Antipakat dan Persaingan

Memberikan kecemerlangan kepada pelanggan bermaksud kita memainkan peranan kita untuk memastikan mereka mempunyai akses kepada produk bermutu tinggi pada harga yang berpatutan. Oleh itu, LyondellBasell komited untuk bersaing dengan gigih, namun tetap beretika dan

sah. Untuk memastikan semua syarikat mengikut peraturan yang sama, pelbagai undang-undang persaingan telah digubal di negara-negara tempat kita menjalankan perniagaan. Secara umumnya, undang-undang ini melarang penetapan harga, membahagi wilayah, berpakat sulit dengan pesaing kita dan tindakan lain yang memberi kesan negatif kepada pelanggan kita atau mengehadkan persaingan.

Kita mesti sentiasa mengikuti undang-undang persaingan tersebut tersurat dan tersirat di mana saja kita menjalankan perniagaan kita. Undang-undang tersebut mungkin terpakai walaupun semasa anda menjalankan perniagaan di luar sempadan negara. Adalah tanggungjawab anda untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang persaingan yang terpakai kepada kerja anda.

Contoh berikut menunjukkan amalan yang dilarang:

- Memasuki perjanjian penetapan harga
- Penguntukan bahagian pasaran— secara rasmi atau tidak rasmi pasaran—antara pesaing
- Melakukan penipuan bida
- Menghadkan atau membataskan pengeluaran bagi mengurangkan persaingan

Jika anda memerlukan bimbingan, sila rujuk bahagian “Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan” dan lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Soalan:

Salah seorang pengedar Carlos baru-baru ini menawarkan untuk menanggung segala perbelanjaan percutian pantai bagi Carlos dan keluarganya sebagai tukaran Carlos meningkatkan jumlah keluaran yang diberikan kepada pengedar tersebut. Carlos sudah merancang untuk meningkatkan jumlah produk bagaimanapun dan tidak melihat sebarang masalah dengan menerima tawaran percutian tersebut. Adakah Carlos melakukan sebarang kesalahan?

Jawapan:

Ya. Oleh sebab Carlos menerima percutian tersebut, itu kelihatan seperti “wang sogokan.” Carlos sepatutnya menolak tawaran percutian dan mempertimbangkan untuk menamatkan hubungan dengan pengedar tersebut.



Soalan:

Anna baru sahaja menerima maklumat komersial yang sensitif tentang pesaing. Dia tidak meminta maklumat tersebut tetapi maklumat seperti ini adalah amat berguna kepada Anna. Apakah yang patut Anna lakukan dengan maklumat tersebut?


Jawapan:

Sebelum Anna membaca atau menyalin maklumat ini, dia sepatutnya menghubungi Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan untuk membincangkan cara maklumat tersebut diperoleh. Perkara ini akan menentukan sama ada dia boleh menggunakan maklumat tersebut. Jika dia dibenarkan menggunakan maklumat itu, dia perlu mematuhi arahan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan untuk mendokumenkan cara maklumat tersebut diperoleh.

Meningkatkan Kecemerlangan bagi Pemegang Saham Kita— Memacu Keputusan

Kita Berusaha untuk Mencegah Perdagangan Orang Dalam dan Pendedahan Maklumat Kepada Orang Lain Yang Berdagang Atas Dasar Maklumat Tersebut (“Tipping”)

Kita tidak boleh terlibat dalam perdagangan sekuriti yang menyalahi undang-undang dan tidak beretika. Sewaktu bekerja di LyondellBasell, kita mungkin terjumpa maklumat sulit mengenai Syarikat kita, subsidiari atau gabungan, usaha sama, pelanggan atau pembekal.



Negara-negara di seluruh negara telah menggubal undang-undang yang melarang kita daripada menjalankan perdagangan sekuriti berdasarkan maklumat material bukan awam. "Maklumat material bukan awam" merujuk kepada maklumat yang tidak tersedia kepada orang ramai dan pelabur berkemungkinan akan menganggap penting dalam memutuskan sama ada untuk membeli atau menjual sekuriti. Jika anda berdagang berdasarkan maklumat sebegitu, itu dianggap sebagai perdagangan orang dalam dan menyalahi undang-undang. Oleh itu, anda tidak boleh membeli atau menjual sekuriti syarikat lain atau sekuriti syarikat kita jika anda mempunyai maklumat sebegitu. Tambahan pula jika anda berkongsi maklumat dengan orang lain dan orang lain berdagang berdasarkan maklumat tersebut, itu dianggap sebagai "tipping" dan kedua-dua pihak mungkin didapati bersalah disebabkan oleh perdagangan orang dalam.

Maklumat dalam mungkin termasuk:

- Maklumat kewangan, termasuk pendapatan, ramalan atau perubahan dividen
- Memperoleh atau kehilangan pelanggan atau kontrak
- Perubahan dalam pengurusan paling kanan kita
- Litigasi atau penyiasatan kerajaan
- Penggabungan, pemerolehan atau penyahlaburan
- Jualan atau pembelian aset utama atau subsidiari

Jika anda rasa anda atau pekerja lain mungkin terlibat dalam perdagangan orang dalam atau pendedahan maklumat kepada orang lain yang berdagang atas dasar maklumat tersebut ("tipping"), anda sepatutnya menghubungi Jabatan Undang-undang dengan segera.

Kita Mengelakkan Buku dan Rekod Kewangan Yang Tepat

Pemegang saham kita bergantung kepada kejujuran dan integriti kita, khususnya sewaktu mengukur kekuahan kewangan Syarikat kita. Adalah penting untuk kita mengekalkan amalan perakaunan dan penyimpanan rekod yang tepat dan jujur setiap masa. Kita mesti mematuhi prinsip perakaunan yang diiktiraf. Mereka yang mempunyai tanggungjawab kewangan dan perakaunan juga mesti memastikan bahawa kaedah perakaunan kita tepat, menyampaikan gambaran yang jujur, telus dan terus terang tentang Syarikat kita. Kita mesti mematuhi semua keperluan undang-undang dan kawal selia, dan mengikuti dasar dan kawalan perakaunan dalaman kita setiap masa. Pendedahan kewangan yang tidak lengkap atau tidak tepat bukan sahaja merosakkan Syarikat kita dan reputasinya, tetapi ia juga memudaratkan pihak berkepentingan kita yang bergantung kepada ketepatannya.

Kita mesti:

- Menyimpan dan menyampaikan semua rekod dan laporan Syarikat menurut undang-undang. Rekod tersebut termasuk rekod perakaunan, dan juga sebarang rekod bertulis atau elektronik lain, seperti laporan perbelanjaan dan kad perakam waktu
- Menentukan dan menyelenggara sistem yang terdiri daripada kawalan dalaman yang berkesan dan kukuh
- Memastikan bahawa semua rekod Syarikat mencerminkan urus niaga dasar secara tepat dan adil
- Tidak memalsukan sebarang dokumen
- Merekodkan semua urus niaga kewangan dalam akaun, jabatan dan tempoh perakaunan yang betul
- Memastikan bahawa semua tindakan dan komitmen menurut Dasar Syarikat

Pengurusan Rekod

Kita mesti mengekalkan rekod perniagaan kita selagi undang-undang mewajibkannya dan selagi perlu bagi tujuan perniagaan kita.

Ini bermaksud kita sepatutnya:

- Mengelaskan dokumen mengikut Dasar Syarikat
- Mengelakkan dan melupuskan rekod Syarikat sejajar dengan Dasar Syarikat dan jadual
- Mengikuti semua keperluan penyimpanan rekod khas yang dikeluarkan berkenaan dengan penyiasatan dalaman, litigasi dan siasatan kerajaan

Walau bagaimanapun, jika anda menerima notis bahawa beberapa atau semua rekod anda diperlukan untuk penyiasatan kerajaan atau dalaman atau prosiding undang-undang, anda tidak boleh membuang atau memusnahkannya. Jika anda menerima sepina atau permintaan untuk sebarang dokumen atau rekod, sila maklumkan kepada Jabatan Undang-undang dengan segera. Begitu juga, jika anda menerima permintaan dari rakan niaga perniagaan, agensi kerajaan atau pihak ketiga untuk menyediakan rekod atau dokumen, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang.

Soalan:

Pelanggan terbaik Chris baru-baru ini telah memintanya menukar butiran penghantaran pada pesanan jualan agar pelanggan boleh mengelakkan cukai tempatan. Chris tidak merasakan permintaan tersebut bermasalah, kerana LyondellBasell tidak akan terelak daripada cukai dan oleh itu, telah membuat perubahan dalam sistem. Adakah Chris perlu bimbang?

Jawapan:

Ya, semua pekerja termasuk Chris bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua rekod Syarikat menunjukkan transaksi dasar dengan tepat dan saksama dan kita tidak boleh memalsukan langsung sebarang dokumen.

Meningkatkan Fokus untuk Pelanggan dan Pembekal Kita

Kita Berusaha untuk Memenuhi Piawaian Mutu dan Keselamatan Keluaran

Produk kita memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan mutu hidup manusia. Pelanggan kita bergantung kepada kita untuk menyediakan produk yang memenuhi atau melepassi tahap semua piawai mutu dan keselamatan yang berkenaan. Oleh itu, kita mesti memastikan bahawa kita mematuhi kawalan mutu dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Di samping itu, kita mesti memastikan pembekal kita bertanggungjawab terhadap mutu dan keselamatan produk dan perkhidmatan yang mereka sediakan kepada kita. Jika anda tahu atau mengesyaki bahawa pembekal tidak mendukung piawaian kita, anda sepatutnya melaporkan situasi tersebut dengan mengikut langkah-langkah yang digariskan dalam bahagian “Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan”.



Kita Berurusan dengan Pelanggan dan Pembekal Kita Secara Wajar

Menjalankan perniagaan dengan cara yang betul bermakna kita sentiasa menyediakan maklumat yang tepat dan wajar mengenai Syarikat kita— dan persaingan kita—kepada semua pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan kita. Ini bermakna bahawa kita mesti sentiasa melibatkan diri dalam pemasaran, jualan dan komunikasi yang adil dan beretika. Kita tidak memberi gambaran yang tidak benar tentang produk kita atau produk pesaing kita. Di samping itu, kita tidak mengambil kesempatan yang tidak adil terhadap sesiapa saja melalui manipulasi atau penyalahgunaan maklumat terlindung atau proprietari, salah nyata atau sebarang amalan tidak beretika atau menyalahi undang-undang yang lain.

Penggunaan Maklumat Bersaing

Kadangkala kita mempunyai akses kepada maklumat mengenai pesaing kita yang boleh memberikan kelebihan perniagaan kepada Syarikat kita. Maklumat ini mungkin datang daripada orang lain atau pekerja yang pernah berkhidmat untuk pesaing sebelum ini atau mempunyai maklumat mengenai pesaing. Kita hendaklah bertindak secara sah dan beretika pada setiap masa berhubung dengan maklumat ini. Walaupun mungkin sah untuk kita menggunakan maklumat persaingan, tindakan tersebut mungkin tidak beretika. Jika maklumat sulit mengenai pesaing didedahkan kepada anda dengan sengaja atau dengan tidak sengaja, anda seharusnya membincangkan pendedahan perkara tersebut dengan Jabatan Undang-

undang dan tidak menggunakan maklumat itu tanpa keizinan yang jelas daripada Jabatan Undang-undang untuk berbuat demikian.

Kita Melindungi Maklumat Pihak Ketiga

Melalui kerja kita, kita mungkin mendapat tahu akan maklumat sulit mengenai pembekal dan pihak berkepentingan lain. Kita harus sentiasa melindungi maklumat ini dan menghormati semua komitmen kontraktual yang kita setujui dengan pihak tersebut berkaitan dengan maklumat sebegini. Ini bermaksud, sebagaimanya, melindungi semua harta intelektual pihak ketiga, seperti ciptaan dan perisian, daripada pendedahan atau penyalahgunaan

Kita Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa

LyondellBasell ialah sebuah syarikat global. Oleh yang demikian, kita bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai yang mengawal perdagangan antarabangsa. Pelanggaran undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan mendarangkan akibat buruk kepada kedua-dua pihak iaitu Syarikat kita dan individu yang terlibat.

Kawalan Import/Eksport

Salah satu daripada tanggungjawab yang dikongsi kita semua adalah untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan import dan eksport. Import berlaku apabila produk, perisian, perkhidmatan, teknologi atau maklumat teknikal dihantar ke teritori kastam dan eksport berlaku apabila ia dihantar daripada teritori

kastam. Import adalah tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan peraturan yang mungkin memerlukan bayaran duti dan cukai dan penyerahan rekod tertentu. Pelbagai undang-undang dan peraturan mungkin memerlukan lesen dan permit sebelum mengeksport sebarang produk, perkhidmatan, teknologi atau maklumat teknikal. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Negara Yang Dikenakan Sekatan Ekonomi dan Pemulauan

Sesetengah undang-undang melarang kita daripada menjalankan perniagaan dengan pihak atau entiti tertentu atau menjalankan perniagaan di negara-negara tertentu. Kita mesti mematuhi undang-undang itu. Kita sedar akan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan bidang kuasa lain yang boleh mengehadkan atau melarang urus niaga perdagangan. Aktiviti yang boleh dihadkan atau dilarang termasuk pelaburan, pindahan aset, bayaran dalam bentuk wang, import, eksport, jualan atau bekalan barang, perkhidmatan, perisian atau teknologi, urus niaga berkaitan dengan perdagangan, perjalanan ke negara yang terjejas dan sebarang aktiviti yang memudahkan pihak lain menjalankan kegiatan tersebut. Kita mesti menyedari dan mematuhi sekatan yang berkenaan di mana saja kita menjalankan perniagaan, sekatak yang tidak bercanggahan dengan undang-undang yang terpakai di bidang kuasa utama.

Kita juga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan antipemulauan jika berkenaan.

Soalan:

Maria merasakan bahawa penyelianya mungkin memalsukan angka jualan. Pada awalnya, dia memutuskan untuk melaporkan kebimbangannya, tetapi kemudian Maria bimbang penyelianya mungkin mengetahui dia yang membuat laporan dan ini boleh menjelaskan penilaian prestasinya. Maria kemudian memutuskan bahawa dia tidak sanggup menjelaskan keselamatan pekerjaannya untuk sesuatu perkara yang dia tidak pasti benar-benar berlaku, lalu dia akhirnya tidak membuat laporan. Apakah yang sepatutnya Maria lakukan?

Jawapan:

Maria sepatutnya membuat laporan tersebut. Semua pekerja bertanggungjawab untuk melaporkan kemungkinan pelanggaran seperti yang diterangkan dalam "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan". Walaupun dia mungkin risau akibat daripada laporannya, Maria sepatutnya menyedari bahawa Syarikat kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa sahaja yang membuat laporan "dengan niat baik." Selain itu, Maria juga boleh membuat laporannya secara tanpa nama melalui Talian Bantuan Etika..

Meningkatkan Kecemerlangan untuk Komuniti Kita

Kita Beroperasi sebagai Warga Korporat Yang Baik

Komitmen kita terhadap kecemerlangan bermaksud kita mengambil berat untuk mendukung hak asasi manusia dalam semua operasi dan lokasi kita, tanpa mengira amalan tempatan. Kita menyedari bahawa Syarikat kita bertanggungjawab dalam menghormati dan melindungi hak asasi manusia dengan melakukan yang berikut:

- Kita tidak menggunakan buruh kanak-kanak atau paksa, yang terikat atau tanpa kerelaan.
- Kita mematuhi semua undang-undang upah dan waktu yang wajar, di mana saja kita bekerja.
- Kita sentiasa meningkatkan kesihatan dan keselamatan pekerja kita di setiap lokasi di mana kita menjalankan perniagaan.
- Kita tidak dengan sengaja menjalankan perniagaan dengan subkontraktor atau pembekal yang menggunakan buruh kanak-kanak atau paksa, terlibat dalam amalan pemerdagangan manusia atau eksloitasi kanak-kanak.



Kita Berusaha untuk Melindungi Alam Sekitar Kita

Di LyondellBasell, kita berasa bangga dengan sejarah kita yang sudah sekian lama dalam mengurus prestasi untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar. Kita mencapai prestasi Sasaran Sifar dengan mengendalikan lokasi kita dengan selamat dan dengan pasti. Kita percaya bahawa pematuhan ialah piawai yang minimum. Oleh itu, kita memenuhi dan berusaha untuk melepas tahap piawai alam sekitar dalam semua operasi kita. Selain itu, kita bekerja dengan pihak berkepentingan untuk memastikan bahawa produk kita adalah selaras dengan undang-undang dan peraturan alam sekitar.

Kita Membuat Sumbangan Kebajikan dan Politik Secara Beretika

Syarikat kita mempunyai rasa tanggungjawab sosial yang kuat dan berasa bangga dengan ramai sukarelawan kita. Kita menyumbangkan masa dan tenaga kita dengan murah hati untuk membuat perbezaan dalam komuniti tempatan kita. Selain peluang tajaan Syarikat, seperti Hari Jagaan Global, kita semua digalakkan untuk menjalankan kegiatan kebajikan lain mengikut pilihan kita. Walau bagaimanapun, untuk menjalankan kegiatan kebajikan yang tidak ditaja oleh Syarikat, kita hanya boleh berbuat demikian dalam masa lapang sendiri dan menggunakan sumber kita sendiri.

Begini juga dengan penglibatan politik persendirian anda yang juga tidak ditaja oleh Syarikat. Walaupun kita digalakkan untuk terlibat dalam aktiviti sebegini, kita tidak boleh melakukannya di premis Syarikat, semasa waktu Syarikat atau dengan sumber Syarikat. Kita juga mesti mengelak diri daripada menyiarkan mesej peribadi berunsur politik di blog atau forum awam lain menggunakan rangkaian atau komputer Syarikat, walaupun semasa waktu tidak bekerja. Setiap negara di lokasi LyondellBasell beroperasi mengenakan sekatan terhadap sumbangan politik mengikut syarikat. Pekerja mesti berunding dengan Jabatan Hal Ehwal Kerajaan untuk memastikan pematuhan ketat undang-undang yang terpakai.

Soalan:

Johnny mempunyai keimbangan bahawa salah seorang pembekalnya di Thailand mungkin menggunakan buruh kanak-kanak dan terlibat dalam amalan pemerdagangan manusia. Patutkah Johnny melaporkan keimbangannya?

Jawapan:

Ya. Pembekal Johnny mungkin melanggar undang-undang buruh kanak-kanak atau sebagainya oleh itu Johnny seharusnya melaporkan keimbangannya kepada penyeliana, atau sumber Syarikat lain seperti yang diterangkan dalam bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan" kerana Syarikat kita tidak menjalankan perniagaan dengan pembekal yang menggunakan buruh kanak-kanak atau paksa, terlibat dalam amalan pemerdagangan manusia atau eksploitasi kanak-kanak.



Borang Akuan

Dengan menandatangani di bawah, saya memperakui bahawa saya telah menyemak semula dan memahami Tatakelakuan LyondellBasell (Kod), saya selanjutnya memperakui dan bersetuju bahawa:

Kod tersebut memberi gambaran umum secara keseluruhan mengenai dasar Syarikat kita dan tidak semestinya mewakili semua dasar dan amalan yang berkuat kuasa pada bila-bila masa tertentu.

Saya mematuhi Kod tersebut, dasar bertulis, amalan, undang-undang, peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh LyondellBasell.

Saya hendaklah menghubungi penyelia atau pengurus terdekat saya, Jabatan HR, Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan atau Talian Bantuan Etika, seperti yang sewajarnya, jika saya mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Kod kita atau sebarang tingkah laku atau situasi berkenaan dengan Syarikat.

Saya hendaklah melaporkan sebarang pelanggaran Kod tersebut, seperti yang sewajarnya, sama ada kepada penyelia atau pengurus terdekat saya, Jabatan HR, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan atau Talian Bantuan Etika.

Kegagalan untuk mematuhi Kod boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan.

Tarikh

Nama Pekerja (Sila Cetak)

Tandatangan Pekerja

Indeks Maklumat Hubungan dan Sumber

Jabatan Pematuhan

Margaret C. Mousoudakis

Ketua Pegawai Pematuhan

Margaret.Mousoudakis@lyondellbasell.com

E-mel Jabatan Pematuhan:

EandC@lyondellbasell.com

EthicsPoint

www.lyondellbasell.ethicspoint.com



LONDON

One Vine Street, Tingkat 4
London W1J 0AH
United Kingdom
Tel: +44 207 220 2600

ROTTERDAM

Delftseplein 27E
3013 AA Rotterdam
Belanda
Tel: +31 10 275 5500

HOUSTON

LyondellBasell Tower, Ste 300
1221 McKinney Street
Houston, TX 77010
Amerika Syarikat
Tel: +1 713 309 7200

lyondellbasell
Advancing Possible